



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

Deputy Secretary General (Management)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry of Health Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88832540
Fax. : 03-88895303

Ruj. Kami: KKM.500-3/4/10(13)

Tarikh : 28 September 2016

Semua Ketua Jabatan/Bahagian
Semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri
Semua Hospital/Pusat Kesihatan Daerah/Institusi
Semua Penerima Hadiah Latihan Persekutuan, KKM

Tuan,

PEMAKLUMAN LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN BIASISWA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) TAHUN 2016 DAN 2017 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

1.1 Pemakluman ini bertujuan menjelaskan pindaan terhadap kemudahan-kemudahan yang diperolehi bagi penerima biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Kementerian Kesihatan Malaysia selaras dengan langkah-langkah penjimatan peruntukan Kerajaan untuk dilaksanakan bagi jangka masa pendek (tahun 2016 dan 2017) dan jangka masa panjang.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penerima Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang Subkepakaran/Sarjana Perubatan/Sarjana lain-lain/Ph.D/Area of *Special Interest* di dalam dan luar negara menerima pelbagai kemudahan dalam bentuk penajaan bagi melaksanakan latihan dalam tempoh yang telah diluluskan.

2.2 Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira keadaan status kewangan semasa, Jawatankuasa Latihan, Kementerian Kesihatan bersetuju agar pindaan terhadap kemudahan-kemudahan biasiswa dilaksanakan secara berperingkat mulai Julai 2016 bagi memastikan pengurusan pembiayaan biasiswa dapat diteruskan dengan lancar.

2.3 Bagi maksud menjelaskan pindaan terhadap kelayakan dalam pemakluman ini, kemudahan-kemudahan yang terlibat adalah seperti berikut:-

- (i) Kelayakan tuntutan bagi menghadiri persidangan/ konferen/ bengkel/ seminar di dalam dan luar Negara semasa dalam tempoh pengajian;
- (ii) Kelayakan penajaan bagi pegawai-pegawai yang diluluskan pelanjutan pengajian;
- (iii) Kelayakan penajaan '*spouse program*' bagi pasangan penerima HLP;
- (iv) Kelayakan ke luar Negara bagi penerima-penerima tajaan Program Subkepakaran;
- (v) Kelayakan tuntutan tiket penerbangan ke lokasi pengajian di dalam dan luar Negara; dan
- (vi) Penajaan bagi Sarjana lain-lain/Ph.D/*Area of Special Interest* di dalam dan luar Negara.

3. PINDAAN PADA KELAYAKAN

3.1 Pindaan pada kelayakan yang melibatkan perkara 2.3 (i) hingga (vi) akan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan jangka masa pendek/jangka masa panjang.

a) Langkah-langkah jangka masa pendek

- (i) Penangguhan sementara bagi penajaan penerima HLP yang menyertai persidangan/konferen/bengkel/seminar di dalam dan luar negara.

Penerima HLP akan ditangguhkan pembiayaan penyertaannya ke mana-mana persidangan/konferen/bengkel/seminar di dalam dan di luar negara. Sekiranya diteruskan, pegawai hendaklah membiayai sendiri program berkenaan (**Berkuatkuasa mulai Julai 2016**).

- (ii) Pemilihan lokasi pengajian di luar negara yang mengenakan yuran percuma/ minima sahaja bagi program Subkepakaran

Pegawai-pegawai yang terlibat dengan program Subkepakaran hendaklah memilih institusi/hospital yang menawarkan yuran percuma/minima sahaja dengan memberi keutamaan kepada negara-negara yang berdekatan contohnya di negara ASEAN. Had penajaan di luar negara tidak boleh melebihi RM100,000 seorang (**Berkuatkuasa mulai Julai 2016**).

- (iii) Penangguhan sementara pembiayaan 'spouse programme'

Pembiayaan 'spouse programme' yang melibatkan tajaan yuran pengajian untuk pasangan penerima HLP adalah dibekukan sementara (**Berkuatkuasa mulai Julai 2016**).

- (iv) Pembelian tiket penerbangan

Semua pegawai yang layak mendapat kemudahan tiket penerbangan digalakkan membeli sendiri tiket berkenaan dan mengemukakan tuntutan untuk mengurangkan kos (**Berkuatkuasa mulai Julai 2016**).

- (v) Penajaan HLP bagi program Sarjana/PhD/Area of Special Interest bagi tahun 2017 adalah untuk pengajian di **Dalam Negara** sahaja.

b) Langkah-langkah jangka masa panjang

- (vi) Pelanjutan pengajian diluluskan tanpa biasiswa

Semua permohonan **pelanjutan pengajian dengan biasiswa** bagi Program Sarjana Perubatan/ Sarjana lain-lain/ Ph.D/ Area of Special Interest/Subkepakaran adalah ditangguhkan bagi semua peringkat

pengajian sama ada di dalam dan luar negara. Bagi pegawai di luar negara, tempoh penajaan yang diberi hanyalah sehingga tempoh 3 bulan sahaja untuk membolehkan pegawai berkenaan membuat persediaan pulang ke tanahair. **Bagi memudahkan pelaksanaan, semua permohonan pelanjutan pengajian dengan penajaan yang diluluskan sebelum 1 September 2016 adalah dikecualikan daripada pindaan ini. (Berkuatkuasa mulai Januari 2017).**


4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pemakluman ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang menjalankan tugas,



(DATO' SAIFUL ANUAR BIN LĒBAI HUSSEN)

b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Salinan kepada:

1. YBhg. Dato' Seri KSU
2. YBhg. Datuk KPK
3. YBrs. Dato' TKSU K
4. YBrs. SUB (BPL)
5. YBrs. TSUB (OL) BPL